

# Kurang tempat sambung pengajian

EKSKLUSIF

➔ 90 peratus pelajar gagal meneruskan pengajian ke IPT

Oleh Firdaus Hashim, Zulfaizan Mansor, Naqib Nor Said dan Syafiq Aznan  
sukanteam@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Selain mengikuti pengajian di peringkat universiti awam dalam bidang Sains Sukan dan Pengurusan Sukan, tiada laluan 'ekstra' dalam sistem pendidikan sukan negara yang akhirnya menyaksikan kebanyakan alumni Sekolah Sukan Malaysia (SSM) atau Sekolah Sukan Negeri (SSN) terbiar tanpa pembelaan.

Berdasarkan statistik, lapan Universiti tempatan membabitkan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mampu mengambil hampir 1,000 pelajar setiap tahun.

Ternyata nisbah itu terlalu jauh jika hendak dibandingkan dengan 20 sekolah SSM dan SSN yang dianggarkan akan melahirkan ribuan pelajar saban tahun daripada sistem itu.

Justeru, tidak hairan mengapa wujudnya dakwaan ramai yang pelajar kita hilang arah selepas keluar daripada sekolah sukan dengan peratusan mereka yang gagal jauh lebih tinggi berbanding yang berjaya.

Kegagalan mereka untuk pergi jauh dan bergelar pemain kebangsaan serta ketidakmampuan menyambung pelajaran dalam akademik pula meletakkan mereka di persimpangan kerana tidak tahu hala tuju mana yang harus diambil.

Mungkin sudah tiba masanya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

menyediakan program baharu berkaitan kursus kemahiran atau vokasional bagi meningkatkan nilai tambah seseorang pelajar itu selain membuka peluang pekerjaan lebih selesa buat mereka jika gagal menyerlah dalam bidang sukan.

## Memperkasakan pendidikan

Malaysia ketika ini, dilihat masih kekurangan dari segi nilai tambah itu, namun di negara maju seperti di Eropah dan Amerika Syarikat, mereka sudah lama memperkasakan sistem pendidikan sukan di negara masing-masing.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM Shah Alam, Mohd Sadek Mustafamenegaskan sebahagian besar daripada pelajar SSM dan SSN itu tidak akan berjaya dengan hanya 10 peratus dapat pergi jauh termasuk melangkah ke menara gading sekali gus terbabit dengan bidang sukan.

"Sebenarnya 90 peratus boleh dikatakan gagal melonjakkan potensi mereka atau menyambung pengajian di peringkat IPT (institut pengajian tinggi) dalam Sains Sukan, kejurulatihan mahupun pengurusan.

"Cuba bayangkan, bagaimana nasib pelajar ini. Sudahlah gagal dalam sukan diceburi dan untuk ke menara gading juga

sukar kerana setiap institusi pengajian tinggi turut menuntut keputusan peperiksaan baik untuk menerima kemasukan mereka.

"Memang agak malang apabila pelajar ini yang menghabiskan tiga hingga lima tahun berlatih bagai nak 'gila' di sekolah sukan, tapi akhirnya gagal pergi jauh dan tidak dapat masuk universiti, jadi apa hala tuju mereka.

"Oleh sebab itu, saya rasakan sudah tiba masanya kerajaan memandang serius isu ini dengan membantu menyediakan platform kemahiran sebagai bekalan masa depan kepada mereka.

"Sekurang-kurangnya dengan adanya kemahiran, pelajar ini nanti dapat bekerja atau membuka perniagaan sendiri bagi menyara kehidupan mereka," katanya kepada Sukan NSTP.

Kelmarin, akhbar ini mendedahkan wujudnya kepincangan dan kelompokan besar khususnya dalam sistem pendidikan persekolahan sukan negara apabila sebahagian besar pelajar SSM dan SSN tercicir daripada arus pembangunan negara.

Ikuti laporan ketiga, esok

